



**Seminar Saling Kaitan antara Perubahan Iklim, Ekonomi dan Kesihatan: Cabaran dan Respons  
Dasar ke arah Pembangunan Lestari**

***(Seminar Interlinkages between Climate Change, Economy and Health: Challenges and Policy Responses towards Sustainable Development)***

**8 Mei 2026**

---

**BANGI, 8 Mei 2026** - Seminar *Interlinkages between Climate Change, Economy and Health: Challenges and Policy Responses towards Sustainable Development*, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) bersama-sama *International Institute for Global Health (IIGH)* telah diadakan pada 8 Mei 2026 bertempat di Bilik Senat, Bangunan Canselori UKM.

Dalam program ini, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Sufian Jusoh telah hadir sebagai perasmis seterusnya pemudah cara kepada forum mini yang diadakan. Forum ini menampilkan Dr. Youssef Nassef, Pengarah Bahagian Penyesuaian di Kerangka Kerja Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC); Dr. Revati Phalkey, Pengarah IIGH; Prof. ChM. Dr. Goh Choo Ta, Pengarah LESTARI, UKM; dan Dr. Intan Murnira Ramli, Felo Kanan di *Policy Design Department, Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA)*.

Dr. Nassef dalam ucap tama beliau, telah menyampaikan mesej yang lantang tentang anjakan yang diperlukan dalam menangani tindakan perubahan iklim. Beliau menegaskan bahawa perubahan iklim bukan lagi sekadar isu alam sekitar atau pembangunan, tetapi satu kebimbangan kemandirian sejagat (*existential concern*).

Beliau merangkumkan degradasi ekologi termasuk pencemaran udara, kepupusan spesis dan penipisan lapisan ozon sebagai simptom atau gejala berlata berkaitan perubahan iklim yang akan menggugat kemandirian sejagat. Ia merupakan satu kompleks yang memerlukan tindakan pelbagai perspektif atau disiplin (*multiplicity*) iaitu saintifik, etika, politik, ekonomi dan sosial, mengatasi kecenderungan untuk beroperasi secara sektoral.

Perubahan iklim ialah permasalahan yang mana pihak berkepentingannya adalah melibatkan seluruh manusia, berkait secara langsung dengan ekonomi, kesihatan awam dan respons dasar. Ia wujud sebahagiannya daripada ketidakupayaan ekonomi dan isu ekuiti, selain impaknya yang merentasi sempadan. Walau bagaimanapun, sejarah menunjukkan bahawa kini suara saintifik yang bersatu semakin mampu memandu dasar ke arah baharu.

Dr. Nassef menjelaskan kesukaran sedia ada dalam mengimbangi instrumen antarabangsa menggunakan segi tiga *trade-off* iaitu antara ruang liputan (*comprehensiveness of coverage*), ketegasan impian (*stringency of ambition*) dan penguatkuasaan-pematuhan (*enforcement/compliance*). Tambah beliau, di meja rundingan iklim antarabangsa sebenarnya lebih rumit daripada tawar-menawar konvensional yang tertumpu kepada memaksimumkan nilai. Rundingan ini sebaliknya mesti menumpukan pada kelangsungan hidup secara kolektif, perkongsian beban dan kerjasama

jangka panjang di bawah keadaan ketidakseimbangan ekuiti. Dalam pada itu, perunding-perunding daripada pelbagai latar belakang juga harus bergelut dengan "anomali berterusan" seperti ketidakseimbangan perwakilan, halangan bahasa, istilah yang tidak ditakrifkan (contoh: istilah "negara membangun") dan dominasi pencemar besar.

Tema utama pembentangan adalah berkisar tentang keperluan untuk transformasi pemikiran dan pandangan jauh iaitu antara meramal atau mencipta masa hadapan dengan contoh-contoh yang menarik:

- **Pemikiran Ekstrapolatif:** Ini adalah pendekatan ramalan, bertanya, "Jika ini berterusan, apa yang mungkin berlaku?". Ia memberi tumpuan kepada evolusi sistem semasa dan sering membawa kepada ramalan yang salah, seperti yang ditunjukkan oleh contoh sejarah yang mengetepikan kereta api, telefon dan komputer rumah.
- **Pandangan Jauh Visi (Normatif):** Pendekatan ini melibatkan mencipta masa depan yang diinginkan dan kemudian melakukan pemetaan balik, bertanya, "Masa depan apa yang kita mahu dan bagaimana kita membinanya?". Kaedah prospeksi normatif ini berusaha untuk muncul selari dengan sistem semasa, akhirnya mungkin menjadi tidak relevan. Contoh wawasan yang ironi pula seperti ramalan Nikola Tesla tentang mesej tanpa wayar di seluruh dunia, menunjukkan bagaimana reka bentuk masa depan yang kelihatan "gila" boleh menjadi kenyataan.

Dr. Nassef menegaskan bahawa penyelesaian krisis iklim memerlukan bukan sahaja transformasi ekonomi tetapi juga pembentukan visi alam semula jadi pada masa hadapan dan cara hidup yang berbeza. Ini menuntut evolusi minda tahap tiga yang merentasi tiga peringkat, yang memerlukan anjakan paradigma:

- **Tahap 1 (Alam Sekitar):** Respons nasional yang berperingkat dan lazim.
- **Tahap 2 (Pembangunan):** Respons antarabangsa yang sistemik dan luar biasa.
- **Tahap 3 (Kemandirian atau Existential):** Perubahan paradigmatis yang memerlukan pengetahuan luar-disiplin dan pemikiran 'tiada kotak'— respons global yang boleh melangkaui had sedia ada.

Sesi Soal Jawab yang menyusul bersama ahli panel menegaskan lagi keperluan komunikasi dan kerjasama rentas sektor. Soalan-soalan berkisar tentang usaha menangani cabaran utama dasar iklim global dalam mencapai kerjasama antara agensi alam sekitar, ekonomi dan kesihatan, serta pengajaran daripada krisis global baru-baru ini (seperti pandemik dan cuaca ekstrem) tentang daya tahan iklim, kestabilan ekonomi dan kesiapsiagaan kesihatan awam. Jawapan yang diberikan menekankan bahawa agensi sering bekerja secara berasingan kerana objektif individu mereka menuntut sedemikian dan isu global seperti peperangan dan pandemik penyakit boleh mengatasi dan menyebabkan penggubal dasar melupakan perubahan iklim dengan mudah. Kejayaan bergantung kepada:

- Komunikasi dan kerjasama rentas sektoral
- Penyertaan sektor swasta
- Tadbir urus, terutamanya peranan kerajaan dalam kejayaan kesihatan awam
- Penglibatan diplomatik dan komunikasi yang berterusan untuk kejayaan dasar

Dr. Youssef Nassef ialah Pengarah Unit Penyesuaian di Sekretariat UNFCCC di Bonn. Beliau merupakan Pengasas *Resilient Frontiers*, organisasi pandangan jauh global mengenai iklim dan pembangunan mencapai daya tahan pasca 2030. Dr. Nassef telah mengetuai aliran kerja penyesuaian di bawah

UNFCCC sejak ia dimulakan. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam diplomasi dan dasar alam sekitar antarabangsa dan merupakan diplomat yang dipinjamkan daripada Perkhidmatan Luar Mesir. Semasa memegang tahap kepimpinan yang semakin tinggi di UNFCCC, beliau mengetuai sokongan UNFCCC untuk beberapa inisiatif mengenai penyesuaian. Ini termasuk permulaan dan sokongan untuk Program *National Adaptation Programmes of Action and National Adaptation Plans; the Nairobi Work Programme* – hab pengetahuan antarabangsa untuk impak, kelemahan dan penyesuaian; dan *Warsaw International Mechanism for Loss and Damage*.

Kerangka Kerja Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) merupakan rangka kerja perjanjian antarabangsa yang menetapkan asas bagi tindakan dan rundingan iklim global. Ia menjadi platform pertemuan negara-negara untuk membincangkan komitmen pengurangan pelepasan gas rumah hijau, langkah adaptasi, serta kerjasama dalam menangani kesan perubahan iklim. UNFCCC dan Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) mempunyai peranan yang saling melengkapi tetapi berbeza. IPCC menyediakan penilaian saintifik mengenai perubahan iklim, manakala UNFCCC menyediakan mekanisme rundingan, dasar dan tindakan di peringkat global berdasarkan pengetahuan saintifik tersebut.

**Disediakan oleh PGeol. Dr. Lim Choun Sian**  
**8 Mei 2026**